



Advanced International Journal of Business, Entrepreneurship and SMEs (AIJBES)

Journal Website: <http://aijb.es.com/>
eISSN: 2682-8545



PROFIL AGROPRENEUR MUDA PKS BERJAYA DI UTARA SEmenanjung MALAYSIA: ANALISIS DESKRIPTIF

*PROFILE OF SUCCESSFUL SMEs YOUNG AGROPRENEURS AT NORTH
PENINSULAR MALAYSIA: DESCRIPTIVE ANALYSIS*

Atikah Nor Johari^{1*}, Armanurah Mohamad², Awaniis Ku Ishak³

¹ Pusat Pengajian Inovasi Perniagaan dan Teknousahawan, Universiti Malaysia Perlis, Malaysia
Email: atikahnor@unimap.edu.my

² Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan Universiti Utara Malaysia, Malaysia
Email: armanurah@uum.edu.my

³ Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan Universiti Utara Malaysia, Malaysia
Email: awanis@uum.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Received date: 08.05.2020

Revised date: 13.06.2020

Accepted date: 15.06.2020

Published date: 15.06.2020

To cite this document:

Johari, A. N., Mohamad, A., & Ku Ishak, A. (2020). Profil Agropreneur Muda PKS Berjaya di Utara Semenanjung Malaysia: Analisis Deskriptif. *Advanced International Journal of Business, Entrepreneurship and SMEs*, 2 (4), 36-46.

DOI: 10.35631/AIJBES.24004.

Abstrak:

Isu berkaitan keusahawanan dalam sektor agrikultur khususnya yang melibatkan agropreneur muda PKS semakin mendapat perhatian di Malaysia. Hingga kini, sektor agrikultur masih kekal menjadi penyumbang ketiga terpenting kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia selepas sektor perkhidmatan dan pembuatan. Pembangunan dan usaha memperkasakan sektor agrikultur yang masih ketandusan penglibatan golongan muda terutamanya yang berpendidikan tinggi dalam menjana ekonomi negara dan melahirkan agropreneur muda PKS berjaya perlu diatasi segera. Justeru itu, menjadi satu keperluan membangunkan profil agropreneur muda PKS berjaya agar landskap sektor agrikultur dapat ditransformasikan daripada sektor yang dipelopori oleh golongan tua kepada golongan muda yang mempunyai pemikiran keusahawanan, kemahiran keusahawanan dan sikap keusahawanan. Jadi, objektif kajian ini adalah untuk membangunkan profil agropreneur muda PKS berjaya di Utara Semenanjung Malaysia. Kajian ini dilakukan dengan menggunakan kaedah kuantitatif melalui pengedaran borang soal selidik kepada agropreneur muda PKS yang menjadi peserta Program Agropreneur Muda. Sebanyak 289 data dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 23. Dapatkan kajian menunjukkan majoriti daripada agropreneur muda PKS berjaya mempunyai tahap pendidikan tinggi, iaitu berkelulusan Diploma dan Ijazah Sarjana Muda dan terlibat dengan aktiviti pengeluaran hasil pertanian seperti tanaman, ternakan dan perikanan. Implikasi daripada kajian ini diharapkan dapat mengubah persepsi dan mentaliti golongan muda terhadap sektor agrikultur dan seterusnya berupaya menarik minat golongan muda,

terutamanya yang berpendidikan tinggi untuk menceburi sektor agrikultur sebagai satu bidang kerjaya yang menguntungkan.

Kata Kunci:

Keusahawanan, Sektor Agrikultur, Program Agropreneur Muda, Agropreneur Muda PKS Berjaya

Abstract:

Issues related to entrepreneurship in the agricultural sector in particular involving SMEs young agropreneurs are gaining attention in Malaysia. To date, the agricultural sector remains the third most important contributor to Malaysia's economic growth after the services and manufacturing sectors. Development and efforts to empower the agricultural sector are still lacking in the involvement of young people, especially those who are highly educated in boosting the country's economy and producing successful SMEs young agropreneurs need to be addressed immediately. So, it becomes a necessity to develop a profile of successful SMEs young agropreneur so that the landscape of the agricultural sector can be transformed from a sector pioneered by the elderly to young people with entrepreneurial mindsets, entrepreneurial skills, and entrepreneurial attitudes. Therefore, the objective of this study is to develop the profile of successful SME young agropreneurs in the North of Peninsular Malaysia. This study was conducted using quantitative methods by distributing questionnaire forms to SMEs young agropreneurs who are participants of the Young Agropreneur Program. A total of 289 data were analyzed using SPSS software version 23. The findings show that the majority of SMEs young agropreneurs succeed in higher education by graduating with a Diploma and Bachelor's Degree and are involved in agricultural production activities such as crops, livestock, and fisheries. The implications of this study are expected to change the perceptions and mentality of young people towards the agricultural sector and further able to attract the interest of young people, especially those who are highly educated to venture into the agricultural sector as a lucrative career.

Keywords:

Entrepreneurship, Agricultural Sector, Young Agropreneur Program, Successful SMEs Young Agropreneur

Pengenalan

Perkembangan bidang keusahawanan di Malaysia majoritinya adalah hasil daripada penubuhan dan perkembangan perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Kepentingan PKS di Malaysia, dapat dilihat berdasarkan jumlah peratusan yang diwakilinya, iaitu sebanyak 98.5 peratus daripada jumlah keseluruhan perniagaan (SME Corp, 2018). Walaubagaimanapun, sehingga suku tahun ketiga 2019, sektor agrikultur masih mengekalkan kedudukan yang ketiga dalam menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2019). Senario ini membawa maksud landskap sektor agrikultur perlu ditransformasikan daripada sektor yang dipelopori oleh golongan tua kepada golongan muda (Anwarudin, 2017) ke arah sektor yang lebih moden dan berteknologi tinggi serta melahirkan lebih ramai agropreneur muda berjaya yang berinovasi (Herman, 2018; United Nation, 2014). Ini adalah bagi meningkatkan sumbangan sektor agrikultur kepada pertumbuhan ekonomi negara seiring dengan sektor perkhidmatan dan pembuatan (*International Monetary Fund*, 2015; Hock Eam, Ahmad & Jan, 2015).

Justeru itu, objektif kajian ini adalah untuk membangunkan profil agropreneur muda PKS berjaya. Dapatan kajian ini diharapkan dapat mengubah persepsi dan mentaliti konvensional

bahawa sektor ini kasar, kotor, tidak menjana pendapatan tinggi dan tidak dapat menjanjikan masa depan yang cerah kepada sektor yang berupaya menarik minat golongan muda terutamanya yang berpendidikan tinggi untuk menceburi sektor agrikultur.

Permasalahan Kajian

Sektor agrikultur merupakan sektor yang kurang mendapat perhatian dan penglibatan golongan muda untuk dijadikan pilihan kerjaya. Menurut Pindado dan Sánchez (2017), berbeza dengan sektor-sektor yang lain, golongan muda merupakan golongan yang paling kurang kecenderungan untuk menjadi usahawan dalam sektor agrikultur, sedangkan dalam konteks pembangunan sektor agrikultur, sektor ini amat memerlukan generasi muda yang lebih produktif bagi menerus kesinambungan sektor agrikultur dan seterusnya mencapai keuntungan dan pulangan pelaburan yang lebih baik (Sutherland et al., 2016; Colombo & Perujo-Villanueva, 2017).

Sungguhpun terdapat peningkatan jumlah penglibatan usahawan dalam sektor agrikultur di Malaysia, tetapi kadar kejayaan dalam sektor agrikultur adalah kurang menyerlah dan memuaskan (Rosmiza & Juliana, 2017). Selain itu, dapatan daripada kajian-kajian lepas melaporkan bahawa, usahawan ini gagal untuk bertahan dalam tempoh tiga tahun pertama selepas perusahaan ditubuhkan. Senario ini dapat dilihat, melalui kajian yang dilakukan oleh Haron (2010), beliau mendapati bahawa terdapat hanya kira-kira 20 peratus daripada usahawan muda yang bertahan dan berjaya di pasaran setiap tahun. Tambahan lagi, laporan GEM bagi tahun 2015/16 dan 2016/17 menunjukkan penurunan dalam jumlah pembukaan perusahaan atau perniagaan baru dalam sektor agrikultur terutamanya dalam ekonomi berpandukan inovasi.

Jadi, adalah menjadi satu keperluan bagi pengkaji membangunkan profil agropreneur muda PKS berjaya agar profil ini boleh menjadi rujukan dan panduan kepada golongan muda yang ingin menceburkan diri dan berjaya dalam sektor agrikultur. Selain itu, profil agropreneur muda PKS berjaya juga dapat memberi informasi kepada semua pihak yang terlibat dengan sektor agrikultur terutamanya Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) dan agensi-agensinya serta agensi-agensi keusahawanan di Malaysia dalam merancang strategi untuk meningkatkan penglibatan golongan muda dalam sektor agrikultur dan menawarkan perkhidmatan sokongan sama ada dalam bentuk kewangan dan bukan kewangan bagi memastikan kejayaan agropreneur muda dan seterusnya menyumbang kepada perkembangan ekonomi Malaysia.

Tinjauan Literatur

Sektor Agrikultur dan PKS Agrikultur

Sektor agrikultur di Malaysia merupakan penyumbang terkecil jika dibandingkan dengan sektor perkhidmatan dan pembuatan (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2018; IMF, 2015). Walaupun terkecil, bidang ini terus relevan dengan perkembangan semasa kerana dapat memenuhi keperluan negara dan masyarakat seperti dapat membekalkan sumber makanan dan menawarkan peluang pekerjaan (Buttar, 2015; Siwar et al., 2014), menyediakan bahan-bahan mentah untuk keperluan dan kegunaan industri asas tani (Okezie & Baharuddin 2012; Siwar et al., 2014), mampu meningkatkan taraf hidup manusia, menawarkan pendapatan dan merupakan sektor yang dapat mempromosikan pembangunan kemanusiaan (Herman, 2018).

Meskipun sektor agrikultur banyak memberi impak positif dalam pelbagai aspek terutamanya dalam aspek ekonomi dan sosial, kadar kejayaan PKS agrikultur adalah berada pada tahap yang kurang memuaskan (Rosmiza & Juliana, 2017). Selain itu, laporan GEM bagi tahun 2015/16

dan 2016/17 menunjukkan penurunan dalam jumlah pembukaan perusahaan atau perniagaan baru dalam sektor agrikultur terutamanya dalam ekonomi berpandukan inovasi. Seperkara lagi yang amat membimbangkan adalah penglibatan daripada golongan muda adalah amat sedikit (Pindado & Sánchez, 2017; Mohammad Nor, Nik Mohd Masdek & Maidin, 2015).

Justeru itu, kajian profil agropreneur muda PKS berjaya ini hanya melibatkan PKS agrikultur yang beroperasi di Utara Semenanjung Malaysia. Usaha ini perlu dilakukan bagi mengubah landskap dalam memastikan sektor agrikultur dapat menarik minat dan seterusnya dibanjiri oleh golongan muda yang berpendidikan tinggi.

Agropreneur Muda

Usahawan merujuk kepada individu yang pandai atau berbakat dalam mengenal pasti produk baru, mengeluarkan produk baru dan memasarkan produk baru (Machfoedz, 2015; Suryana, 2016; Anwarudin, 2017). Manakala, agropreneur muda terdiri daripada usahawan generasi muda yang mempunyai semangat keusahawanan dan berani menerokai bidang agrikultur. Dalam konteks kajian ini, agropreneur muda didefinisikan sebagai rakyat Malaysia yang berumur antara 18-40 tahun yang berkecimpung dalam sektor agrikultur (Unit Agropreneur Muda, MOA, 2013).

MyAgrosis dan Program Agropreneur Muda (PAM)

Bagi merealisasikan hasrat kerajaan iaitu melibatkan penyertaan golongan muda dalam meningkatkan prestasi dan produktiviti dalam sektor agrikultur seiring dengan sektor perkhidmatan dan pembuatan, maka kerajaan telah menubuhkan *Malaysian Agro Entrepreneurial Club for University Students* (MyAgrosis) pada 17 Disember 2011. Tujuan penubuhan MyAgrosis adalah untuk memberikan pendedahan, dorongan dan melahirkan kumpulan usahawan tani yang berdaya saing dan berkaliber dalam kalangan siswazah dalam bidang pengeluaran hasil pertanian serta pemasaran produk berasaskan pertanian terutamanya agromakanan. Program ini dibimbing oleh agensi-agensi kerajaan di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA). Melalui usaha ini, diharapkan supaya pelajar yang menyertai Kelab MyAgrosis dapat meneruskan transformasi pertanian dan agromakanan ke arah sektor yang lebih moden, dinamik serta berdaya saing pada masa akan datang.

Bukan setakat itu sahaja, lanjutan daripada usaha kelab MyAgrosis, MOA meneruskan lagi hasrat kerajaan untuk menggalakkan penglibatan golongan muda dalam bidang keusahawanan agrikultur. Ini adalah kerana, golongan muda inilah yang menjadi tulang belakang dalam menjana pendapatan dan meningkatkan ekonomi negara (Bahaman et al., 2010), merupakan pemegang kunci bagi kesejahteraan masyarakat dan merupakan pelaburan untuk masa hadapan bagi sesebuah negara (Pereznieta & Harding, 2013). Pelbagai usaha telah dilakukan dalam menarik minat golongan muda untuk menceburi sektor agrikultur. Penglibatan golongan muda dalam sektor agrikultur dapat membantu sektor ini bergerak seiring dengan sektor perkhidmatan dan pembuatan dalam menyumbang kepada perkembangan ekonomi Malaysia. Jadi, bagi merealisasikannya, Program Agropreneur Muda (PAM) di bawah Unit Agropreneur Muda (UAM), Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) telah ditubuhkan pada September 2013.

Visi Program Agropreneur Muda (PAM) adalah melahirkan agropreneur muda yang progresif, berdaya saing, kreatif, inovatif dan berpendapatan tinggi di dalam sektor agrikultur. Selari dengan visi yang dibangunkan, program ini mempunyai empat objektif, iaitu menarik minat golongan muda berumur di antara 18 hingga 40 tahun untuk menceburi sektor agrikultur, mengubah persepsi golongan muda terhadap sektor agrikultur sebagai industri yang berdaya maju, meningkatkan pendapatan agropreneur muda melalui peningkatan produktiviti

pengeluaran, kualiti, teknologi dan inovasi serta pasaran yang kompetitif. Selain itu, program ini dibangunkan adalah untuk menjadikan industri agromakanan sebagai bidang kerjaya masa depan yang menjana pendapatan selaras dengan Dasar Agromakanan Negara (2011- 2020). Program ini juga bertujuan untuk membantu dan menggalakkan penglibatan golongan muda dalam bidang keusahawanan agrikultur berdasarkan semua aktiviti di dalam rantai nilai sektor agrikultur.

Metodologi

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dengan kutipan data premier melalui soal selidik. Soal selidik berstruktur yang mengandungi profil agropreneur muda PKS seperti jantina, umur, bangsa, taraf perkahwinan, tahap pendidikan tertinggi, usia perniagaan, jenis produk atau perkhidmatan, bilangan pekerja tetap, sumber dan jumlah modal permulaan diedarkan di empat buah negeri di Utara Semenanjung Malaysia iaitu Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak. Seramai 289 responden yang berdaftar dengan Program Agropreneur Muda (PAM) terlibat dalam kajian ini. Semua responden dalam kajian ini telah dipilih menggunakan kaedah persampelan kluster. Data dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS versi 23. Kaedah analisis deskriptif yang terdiri daripada kekerapan, peratusan dan peringkat (*ranking*) digunakan untuk membangunkan profil agropreneur muda PKS berjaya di Utara Semenanjung Malaysia.

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Deskripsi Profil Agropreneur Muda PKS

Profil agropreneur muda PKS dalam kajian ini menjelaskan ciri-ciri demografi responden seperti jantina, umur, bangsa, taraf perkahwinan dan tahap pendidikan tertinggi. Jadual 1 meringkaskan maklumat yang diperolehi daripada 289 orang agropreneur muda PKS yang terlibat dalam kajian.

Dapatan kajian menunjukkan majoriti daripada responden adalah terdiri daripada lelaki, iaitu 59.9 peratus berbanding dengan perempuan sebanyak 40.1 peratus. Peratusan ini menunjukkan golongan lelaki lebih ramai yang berkecimpung dalam sektor agrikultur berbanding dengan golongan perempuan. Peratusan golongan lelaki yang terlibat dengan sektor agrikultur lebih tinggi disebabkan oleh pandangan konvensional bahawa sektor ini kasar dan kotor, tidak menjana pendapatan tinggi dan tidak dapat menjanjikan masa depan yang cerah (Abdullah & Naem Sulaiman, 2013; Mohammad Nor et al., 2015).

Seterusnya, dapatan kajian juga melaporkan bahawa kebanyakan agropreneur muda PKS adalah berumur antara 29 hingga 39 tahun (55.7 peratus), diikuti oleh agropreneur muda yang berumur lebih daripada 40 tahun (26.3 peratus) manakala baki seramai 52 agropreneur muda berusia antara 18 hingga 28 tahun. Responden yang paling sedikit adalah yang berumur antara 18-28 tahun iaitu berjumlah 52 orang (18 peratus). Jumlah responden yang paling sedikit ini mungkin disebabkan responden dalam kategori umur 18-28 tahun masih lagi meneruskan pengajian di peringkat tinggi (Diploma dan Ijazah Sarjana Muda) dan belum lagi bekerja.

Selain itu, majoriti agropreneur muda PKS adalah berbangsa Melayu (69.9 peratus), diikuti oleh Cina (17.3 peratus), India (11.4 peratus) dan lain-lain (1.4 peratus). Peratusan paling tinggi iaitu 69.9 peratus menunjukkan bahawa bangsa Melayu masih mengelakkan tradisi trend pekerjaan mengikut bangsa di mana bangsa Melayu dari dahulu lagi terkenal dengan bidang agrikultur atau pertanian, bangsa Cina sebatи dengan dunia perniagaan dan bangsa India sinonim dengan estet.

Majoriti daripada agropreneur muda PKS adalah berstatus berkahwin iaitu sebanyak 66.4 peratus, diikuti oleh bujang sebanyak 28.4 peratus dan hanya 5.2 peratus berstatus bercerai (duda/ janda). Dapatan ini memberi tafsiran bahawa kejayaan yang diraih oleh agropreneur muda PKS yang berjaya adalah disebabkan oleh sokongan yang diberikan oleh suami atau isteri dan anak-anak berbanding dengan mengurus perusahaan secara bersendirian.

Akhir sekali, pengkaji juga mendapati majoriti daripada agropreneur muda PKS mempunyai tahap pendidikan tertinggi iaitu Diploma sebanyak 34.3 peratus dan tahap pendidikan terendah iaitu LCE/ SRP/ PMR sebanyak 1.7 peratus. Jika digabungkan peratusan agropreneur muda PKS yang mempunyai tahap pendidikan tertinggi Diploma dan Ijazah Sarjana Muda, peratusannya menjadi 55.4 peratus. Peratusan ini membawa maksud lebih separuh daripada agropreneur muda PKS yang berjaya adalah terdiri daripada mereka yang mempunyai tahap pendidikan yang tinggi. Tahap pendidikan yang dimiliki oleh seseorang individu merupakan indikator utama bagi mengukur kualiti dan pembangunan sumber manusia. Dapatan kajian lepas menunjukkan tahap pendidikan formal agropreneur muda PKS adalah lebih tinggi berbanding dengan tahap pendidikan formal agropreneur (Putri, Anwarudin & Sulistyowati, 2019; Saputra, Anwarudin & Sulistyowati, 2018). Jadi, dapatan kajian ini menyokong dapatan kajian-kajian lepas yang menyatakan bahawa golongan agropreneur muda PKS mempunyai tahap pendidikan yang lebih tinggi daripada golongan agropreneur tua (Wardani & Anwarudin, 2018). Jadi, tahap pendidikan formal dalam kalangan agropreneur muda PKS menunjukkan salah satu faktor yang membawa kepada kejayaan agropreneur muda PKS. Pendidikan formal yang dimiliki usahawan siswazah (Armanurah 2014; Armanurah, Norashidah & Awanis, 2019) boleh mempengaruhi tahap pemikiran, meningkatkan kemahiran dan mempengaruhi sikap keusahawanan.

Jadual 1: Profil Agropreneur Muda PKS

	Maklumat	Kekerapan Peratus Peratus Terkumpul	
i) Jantina			
Lelaki	173	59.9	59.9
Perempuan	116	40.1	100.0
ii) Umur (tahun)			
18 - 28	52	18.0	18.0
29 – 39	161	55.7	73.7
40 tahun ke atas	76	26.3	100.0
iii) Bangsa			
Melayu	202	69.9	69.9
Cina	50	17.3	87.2
India	33	11.4	98.6
Lain-lain	4	1.4	100.0
iv) Taraf Perkahwinan			
Bujang	82	28.4	28.4
Berkahwin	192	66.4	94.8
Bercerai (Duda/ Janda)	15	5.2	100.0
v) Tahap Pendidikan Tertinggi			
Darjah 6/ UPSR	0	0	0
LCE/ SRP/ PMR	5	1.7	1.7
MCE/ SPM/ SPVM	49	17.0	18.7
HSC/ STPM	29	10.0	28.7
Sijil	40	13.8	42.6

Diploma	99	34.3	76.8
Ijazah Sarjana Muda	61	21.1	97.9
Ijazah Sarjana	6	2.1	100.0
Ijazah Doktor Falsafah / PhD	0	0	100.0

Deskripsi Latar Belakang Perniagaan Agropreneur Muda PKS

Profil latar belakang perniagaan agropreneur muda PKS dalam kajian ini dianalisis daripada pelbagai aspek merangkumi usia perniagaan, jenis produk/ perkhidmatan agrikultur yang ditawarkan, bilangan pekerja tetap dan jumlah modal serta sumber modal permulaan perniagaan. Jadual 2 meringkaskan maklumat latar belakang perniagaan agropreneur muda PKS.

Hasil analisis menunjukkan majoriti perniagaan telah beroperasi dalam tempoh 3-5 tahun (57.4 peratus) dan yang selebihnya menjalankan perniagaan lebih daripada 6 tahun. Peratusan ini menunjukkan tempoh minimum 3 tahun bagi mengukur kejayaan keusahawanan adalah tempoh yang ideal kerana lebih daripada separuh daripada responden mengecapi kejayaan dalam tempoh masa 3 hingga 5 tahun. Dapatkan ini menguatkan lagi daptan daripada pengkaji-pengkaji lepas yang menyatakan bahawa tempoh tiga tahun operasi sesebuah perniagaan adalah mencukupi untuk mengukur tahap kejayaan seseorang usahawan di mana tahun pertama adalah tempoh masa bagi usahawan untuk mengenali dan memahami pasaran, tahun kedua adalah tempoh masa bagi usahawan untuk mendapat titik pulang modal dan telah mampu untuk mula membayar hutang dan tahun ketiga adalah tempoh masa bagi usahawan untuk mendapatkan keuntungan (Salman, 2009; Harrison & Mason, 2007).

Selain itu, penglibatan agropreneur muda PKS dalam sektor agrikultur adalah tertumpu kepada aktiviti pengeluaran hasil pertanian yang merangkumi aktiviti tanaman, ternakan dan perikanan (44.3 peratus), diikuti oleh industri asas tani (30.8 peratus), seterusnya pemasaran dan pengedaran produk (14.5 peratus), berikutnya ialah perkhidmatan sokongan industri yang terdiri daripada penyelenggaraan, pembaikan dan pembekalan bahan mentah serta kemudahan asas pertanian (7.6 peratus) dan yang terakhir ialah agrotourism dan rekreasi (2.8 peratus).

Dapatkan ini menunjukkan agropreneur muda PKS berjaya majoritinya menjalankan aktiviti tanaman, ternakan dan perikanan. Sejak kebelakangan ini, senario menampakkan jumlah pengeluaran hasil tanaman, ternakan dan perikanan di Malaysia adalah tidak mencukupi untuk menampung permintaan daripada populasi Malaysia yang semakin meningkat (Fadhilah Annaim Huda, 2015), jadi daptan kajian ini menunjukkan bahawa penglibatan agropreneur muda dalam bidang pengeluaran hasil pertanian dipercayai mampu mengurangkan masalah ketidakseimbangan antara permintaan dan penawaran terhadap hasil tanaman, ternakan dan perikanan. Selain itu, peratusan yang tinggi yang disumbangkan melalui hasil pertanian ini dipercayai boleh mengurangkan kadar import hasil pertanian daripada negara New Zealand, Australia, India dan Thailand (Norhafizah & Norshamliza, 2016). Jadi, senario ini menunjukkan golongan agropreneur muda PKS berkeupayaan untuk meningkatkan sumbangan sektor agrikultur kepada perkembangan ekonomi negara.

Seterusnya kajian ini mendapati sumbangan sektor agrikultur melalui aktiviti agrotourism dan rekreasi adalah paling rendah. Hasil daptan menunjukkan agropreneur muda PKS kurang berminat untuk menceburi aktiviti agrotourism dan rekreasi. Ini adalah kerana kajian-kajian lepas mendapati terdapat beberapa isu berkaitan dengan aktiviti agrotourism dan rekreasi seperti kabanyakan usahawan berhadapan dengan kekurangan sumber kewangan, kekurangan usaha pemasaran, kekurangan pengetahuan dan maklumat yang berkaitan dan hasil

pengeluaran yang tidak konsisten (Puvaneswaran, Nizartul Fuza, Engku Nor Kamilah & Sridar, 2018). Jadi, berkemungkinan agropreneur muda juga mengalami isu dan masalah yang sama. Walaubagaimanapun, aktiviti ini perlu ditingkatkan penglibatan daripada agropreneur muda PKS kerana konsep agrotourism dan rekreasi sentiasa menekankan tentang memberikan pengalaman yang berharga kepada para pengunjung semasa mereka berkunjung ke ladang, memupuk sikap menghormati dan menghargai budaya masyarakat setempat serta untuk menikmati alam semula jadi (Kunasekaran & Gill, 2012). Jadi, penglibatan agropreneur muda PKS dalam aktiviti agrotourism dan rekreasi perlu ditingkatkan kerana golongan ini digelar sebagai “masyarakat produktif” (Ahmad, Ramayah & Tuan Muda, 2014) dan golongan Gen Y juga dikatakan mempunyai ciri-ciri yang sesuai dan diperlukan untuk menjadi usahawan agrikultur seperti sanggup menanggung risiko dan merupakan generasi digital pertama yang dapat melihat keusahawanan sebagai bidang kerjaya yang menarik (Sox, Kline & Crews, 2014). Selain itu, agropreneur muda juga dicirikan sebagai golongan yang mempunyai kekuatan fizikal yang kuat, bersikap berani mengambil risiko, mempunyai sikap keterbukaan terhadap perubahan yang berlaku dan memiliki tahap kreativiti yang tinggi dalam memajukan teknologi baru dalam agrikultur (Umeh et al., 2011; Daudu, 2009).

Dapatkan kajian juga melaporkan bahawa PKS agrikultur mempunyai bilangan pekerja tetap kurang daripada 5 orang adalah sebanyak 76.1 peratus dan 23.9 peratus perniagaan yang mempunyai bilangan pekerja tetap antara 5-29 orang. Jadi, kesimpulan yang dapat dibuat berdasarkan kepada peratusan yang tinggi bagi bilangan pekerja tetap kurang daripada 5 orang adalah majoriti daripada perniagaan agropreneur muda PKS terdiri daripada perusahaan mikro. Peratusan ini bermaksud, golongan agropreneur muda PKS perlu berusaha lebih gigih dalam meningkatkan lagi prestasi perusahaan agar dapat mengembangkan perusahaan kepada perusahaan kecil dan sederhana. Perubahan status daripada perusahaan mikro kepada perusahaan kecil dan sederhana memerlukan agropreneur muda mendapatkan pendidikan formal dan tidak formal bagi meningkatkan tahap pemikiran keusahawanan, kemahiran keusahawanan dan sikap keusahawanan yang diperlukan untuk mengaplikasikan teknologi baru dan mengeluarkan produk dan servis yang berinovasi (Khatib, Sarem & Hamidi, 2013).

Selanjutnya, dapatan kajian mendapati kebanyakan agropreneur muda PKS memulakan perusahaan dengan menggunakan sumber modal daripada pinjaman keluarga (27.7 peratus), diikuti oleh penggunaan wang simpanan sendiri (26.6 peratus), yang ketiga mewarisi harta warisan keluarga (19.0 peratus), yang keempat sumber-sumber lain (13.8 peratus), yang kelima mendapatkan pinjaman bank (11.8 peratus) dan yang terakhir membuat pinjaman daripada kawan (1.0 peratus). Peratusan tertinggi menunjukkan kebanyakan agropreneur muda PKS mendapat sumber modal daripada pinjaman keluarga. Hal ini berlaku disebabkan oleh majoriti daripada mereka terdiri daripada lepasan Diploma dan Ijazah Sarjana Muda, maka mereka belum lagi mempunyai sumber kewangan yang kukuh kerana baru menamatkan pengajian dan majoriti daripada mereka masih muda iaitu berumur antara 29-39 tahun. Jadi, mereka memerlukan sokongan daripada keluarga dalam mendapatkan sumber modal permulaan. Tambahan pula, dapatan kajian-kajian lepas menyatakan usahawan memerlukan sokongan kerajaan dari aspek perencanaan polisi, kerjasama agensi-agensi agrikultur dan organisasi swasta, bantuan modal serta pembangunan dan penyelidikan berkaitan inovasi (Chang & Wasser, 2017; Thilakartana, 2018).

Yang terakhir, dapatan kajian menunjukkan majoriti daripada PKS agrikultur iaitu sebanyak 22.5 peratus (65 buah) memulakan perniagaan dengan jumlah modal antara RM 25,001-RM 30,000. Manakala peratusan yang terendah adalah 5.5 peratus yang diwakili oleh PKS agrikultur yang memulakan perniagaan dengan modal kurang daripada RM 5,000. Dapat

disimpulkan bahawa, sejumlah modal permulaan yang agak tinggi iaitu antara RM 25,001-RM 30,000 diperlukan oleh agropreneur muda PKS bagi memulakan perniagaan. Jadi dengan faktor usia yang masih muda ditambah lagi dengan baru menamatkan pengajian peringkat tinggi maka agropreneur muda PKS amat memerlukan sokongan kerajaan terutamanya dalam bentuk kewangan bagi memulakan perniagaan (Quy, 2016; Shariff et al., 2010).

Jadual 2: Latar Belakang Perniagaan Agropreneur Muda PKS

Maklumat	Kekerapan	Peratus Peratus	Peratus Terkumpul
i) Usia Perniagaan/ Perusahaan			
3 – 5 tahun	166	57.4	57.4
6 tahun dan ke atas	123	42.6	100.0
ii) Jenis Produk/ Perkhidmatan Agrikultur			
Pengeluaran Hasil Pertanian (Tanaman, Ternakan, Perikanan)	128	44.3	44.3
Industri Asas Tani	89	30.8	75.1
Pemasaran dan Pengedaran Produk	42	14.5	89.6
Agrotourism dan Rekreasi	8	2.8	92.4
Perkhidmatan Sokongan Industri (Penyelenggaran, Pembaikan dan Pembekalan Bahan Mentah serta Kemudahan Asas Pertanian)	22	7.6	100.0
iii) Bilangan Pekerja Tetap			
Kurang daripada 5 orang	220	76.1	76.1
5 – 29 orang	69	23.9	100.0
30 – 75 orang	0	0	100.0
Lebih daripada 76 orang	0	0	100.0
iv) Sumber Modal Permulaan Perniagaan/ Perusahaan			
Simpanan Sendiri	77	26.6	26.6
Pinjaman Keluarga	80	27.7	54.3
Pinjaman Kawan	3	1.0	55.4
Pinjaman Bank	34	11.8	67.1
Harta Warisan	55	19.0	86.2
Lain-lain	40	13.8	100.0
v) Jumlah Modal Permulaan Perniagaan/ Perusahaan			
Kurang RM 5,000	16	5.5	5.5
RM 5,001-RM 10,000	34	11.8	17.3
RM 10,001-RM 15,000	38	13.1	30.4
RM 15,001-RM20,000	42	14.5	44.9
RM 20,001-RM 25,000	54	18.7	63.6
RM 25,001-RM 30,000	65	22.5	86.1
Lebih RM 30,001	40	13.9	100.0

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, dapat disimpulkan bahawa agropreneur muda PKS berjaya majoritinya adalah terdiri daripada golongan lelaki yang berumur antara 29-39 tahun, berbangsa melayu, berkahwin dan mempunyai tahap pendidikan tertinggi iaitu berkelulusan Diploma dan Ijazah Sarjana Muda. Manakala, dalam konteks latar belakang perniagaan agropreneur muda PKS, sebahagian besar agropreneur muda PKS berjaya telah beroperasi selama 3-5 tahun, terlibat

dengan aktiviti pengeluaran hasil pertanian seperti tanaman, ternakan dan perikanan serta terdiri daripada perusahaan mikro. Akhir sekali, majoriti daripada agropreneur muda berjaya menggunakan modal sebanyak RM 25,001-RM 30,000 untuk memulakan perusahaan yang diperolehi daripada pinjaman ahli keluarga sendiri. Jadi, profil agropreneur muda PKS berjaya ini diharapkan dapat menarik minat golongan muda untuk menceburi sektor agrikultur, memberi garis panduan kepada agropreneur muda dalam mengusaha dan menjayakan perniagaan berasaskan agrikultur, memberi informasi kepada MOA dan agensi-agensinya serta agensi-agensi keusahawanan dalam merancang strategi berkaitan perkhidmatan sokongan sama ada dalam bentuk kewangan dan bukan kewangan bagi melonjakkan lagi sumbangan sektor agrikultur terhadap perkembangan ekonomi Malaysia.

Rujukan

- Abu Dardak, R. (2015). Transformation of agricultural sector in Malaysia through agricultural policy. Malaysia: MARDI.
- Ahmad, N. H., Ramayah, T., & Tuan Muda, S. A. D. (2014). Unlocking the entrepreneurial propensity among prime-age Malaysians: Multi-ethnic analysis. *Journal of Arts. Science & Commerce*, 4(1), 1–6.
- Anwarudin, O. 2017. Peluang Agropreneur Muda. Republika 16 Januari 2017.
- Armanurah, M. (2014). Penilaian Pelaksanaan Program Siswaniaga Universiti Utara Malaysia. Tesis PhD, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Armanurah, M, Norashidah, H & Awanis K. I, (2019), Evaluating the Implementation Process of Entrepreneurship Program in Nurturing Entrepreneurial Thinking among Students of Higher Learning Institutions. *Journal of Advance Research in Dynamical and Control Systems*, Vol.11, Issue.5, pp. 496-504.
- Bahaman, A.S., Jeffrey, L.S., Hayrol Azril, M.S., & Jegak, U. (2010) Acceptance, attitude and knowledge towards agriculture economic activity between rural and urban youth: The case of contract farming, *Journal of Applied Sciences*, 10(19), 2410-2415.
- Buttar, H.M. (2015), “Formation of entrepreneurial career intentions: the role of sociocognitive factors”, *Journal of Employment Counseling*, Vol. 52 No. 1, pp. 2-17.
- Chang, S. T., & Wasser, S. P. (2017). The cultivation and environmental impact of mushrooms. Agriculture and the Environment. *Oxford Research Encyclopedia, Environmental Science*. USA, Oxford University Press.
- Fadhilah Annaim Huda, H. (2015). Strategies to strengthen livestock industry in Malaysia. FFTC Agricultural Policy Articles.
- Harrison, R. T. Mason, C. M. (2007). Does gender matter? Women business angels and the supply of entrepreneurial finance. *Entrepreneurship Theory and Practice*, 41(4), 445-472.
- Hock-Eam, L., Ahmad, S. A., & Jan, S. J. (2015). *The inferring predisposed faktors for graduate agropreneur in Malaysia: Mismatch?* Paper presented at the 9th Asia Pacific Business Research Conference, Singapore.
- IMF Annual Report. (2015).
- Kunasekaran, P., & Gill, S. (2012). Local Communities' Perception on Rural Tourism. *Global Journal of Human Science*, 12(1), 35-40.
- Machfoedz M. 2015. Kewirausahaan; Metode, Manajemen dan Implementasi. Yogyakarta: BPFE.
- Norhafizah, S., & Norshamliza, C., (2016). Agricultural policies effect on livestock industry-perspectives from Malaysia and New Zealand. *International Journal of Agriculture, Forestry and Plantatio*. (2), 77-83.

- Okezie, C.A., & Baharuddin, A.H. (2012). Risk and poverty in agriculture: Expanding roles for agricultural cooperatives in Malaysia. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 8(4): 1-11.
- Pindado, E., Sánchez, M., 2017. Researching the entrepreneurial behaviour of new and existing ventures in European agriculture. *Small Bus. Econ.* 49 (2), 421–444. <https://doi.org/10.1007/s11187-017-9837-y>.
- Putri, C. A., Anwarudin, O. & Sulistyowati, D. (2019). “Partisipasi petani dalam kegiatan penyuluhan dan adopsi pemupukan padi sawah di Kecamatan Kersamanah Kabupaten Garut”, *J. Agribisnis Terpadu*, vol. 12 (1), 103-119.
- Puvaneswaran Kunasekaran, Nizartul Fuza, Engku Nor Kamilah Engku Hassan dan Sridar Ramachandran (2018). Factors Influencing Perceptions of Local Community On ‘Kelulut’ Honey as Agrotourism Product. *International Journal of Business and Society*, Vol. 19 SI, 2018, 66-78.
- Salman, A. (2009). How to start a business:A guide for women Pakistan: Center for International Private Enterrise, Institute of National Endowment for Democracy, affiliate of the USA Chamber of Commerce.
- Saputra, C., Anwarudin, O. & Sulistyowati, D. (2018). “Persepsi dan adopsi pengendalain hama terpadu lalat buah pada tanaman manga di Kecamatan Greded Kabupaten Cirebon Privinsi Jawa Barat”, *J. Penyul. Pertan.*, vol 13(2), 49-60.
- Siwar, C., Yasar, M., Ghazali, Z., & Mohd Idris, N. D. (2014). Vulnerability and sustainable livelihood of paddy farmers in the North Terengganu Integrated Agriculture Development Area (IADA KETARA), Malaysia. *Prosiding Perkem*, 8(2), 778–789.
- SME Corporation Berhad (SME Corp). (2018). SME Annual Report 2017/18.
- Sox, C.B., Kline, S.F., & Crews, T.B. (2014). Identifying best practices, opportunities and barriers in meeting planning for Generation Y. *International Journal of Hospitality Management*, 46, 244-254.
- Suryana. (2016). Kewirausahaan, Kiat dan Proses Menuju Sukses. Penerbit Salemba Empat.
- Umeh, G. N. & Odom, C. N. (2011). Roles and Constraints of youths' associations in agricultural and rural development. Lagos: IDOS Publications.
- Unit Agroreneur Muda. (2013). Garis Panduan Program Pembangunan Agropreneur Muda. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.
- United Nation (2014): Opportunities and constraint to youth entrepreneurship. Swaziland.
- Wardani, W., Anwarudin, O. (2018). “Peran penyuluhan terhadap penguatan kelompok tani dan regenerasi petani di Kabupaten Bogor Jawa Barat,” *J. TABARO*, vol 2(1), 191-200.
- Warya, A., Anwarudin, O. (2018). “Factors affecting farmer participation in paddy- special efforts program at Kerawang, Indonesia,”, *Int. J. Soc. Sci. Econ. Res.* Vol 3(8), 3857-3867.